

## **1.0. PENGENALAN**

Senang Rasa Katering merupakan perniagaan milik tunggal yang akan didaftarkan pada awal bulan April 2007, bagi menjalankan aktiviti katering di sekitar Pekan Hutan Melintang, Perak dan bandar-bandar sekitarnya.

Pengusaha memilih untuk menceburi perniagaan katering kerana ianya telah dilakukan secara sambilan dan kecil-kecilan mulai dari tahun 2000 lagi. Sepanjang tempoh itu, pengusaha telah memberi perkhidmatan katering kepada Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah, Pusat Sumber Pendidikan Negeri Perak, Pusat Kegiatan Guru, Sekolah dan orang perseorangan .

Pengusaha bercadang untuk bersara pilihan dan menceburi bidang perniagaan katering secara sepenuh masa.

Perniagaan ini akan beroperasi di No. 64, Taman Sri Ishaq, 36400 Hutan Melintang, Perak. Daripada pengalaman yang ada ini, pengusaha mendapati perniagaan katering merupakan satu perniagaan yang berpotensi kerana terdapat banyak permintaan.

Sepertimana diketahui kebanyakan wanita hari terlibat dengan perkerjaan sepenuh masa sama ada dalam sektor awam mahu pun swasta, mereka tidak mempunyai waktu untuk memasak sendiri sekiranya mahu mengadakan majlis-majlis seperti kenduri doa selamat, kenduri arwah, jamuan hariraya dan sambutan hari lahir serta kenduri kahwin, malahan pada hari ini semangat gotong royong mahu mengadakan kenduri kendara juga telah berkurangan kerana masing-masing sibuk dengan pekerjaan dan kekurangan tenaga kerja untuk membuat persiapan dan memasak untuk kenduri kendara.

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Oleh itu, kebanyakan orang akan mengambil perkhidmatan katering untuk menyenangkan kerja dan mereka juga mempunyai peruntukan (kuasa membeli) untuk berbuat begitu. Permintaan perkhidmatan katering juga sangat banyak di pejabat untuk majlis seperti mesyuarat, majlis perpisahan, majlis kerajaan dan kursus-kursus dalam perkhidmatan.

Walau pun di setengah jabatan ada kantin dan kafeteria namun lazimnya penganjur lebih gemar untuk mendapatkan perkhidmatan katering dari pihak luar untuk merubah citarasa. Kami yakin dan pasti perniagaan yang bakal kami jalankan ini akan berkembang maju dan sekaligus dapat mencapai matlamat serta objektif perniagaan kami khususnya dalam mengaut keuntungan.

## **2.0. OBJEKTIF/TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN.**

Tujuan Rancangan Perniagaan ini disediakan untuk memberi penerangan yang menyeluruh tentang perniagaan yang akan diceburi. Disamping itu juga Rancangan Perniagaan ini untuk membentangkan perancangan perniagaan yang meliputi aspek pengurusan, pemasaran, pembekal, perkhidmatan dan kewangan perniagaan.

Antara lain Rancangan Perniagaan ini dibuat untuk tujuan berikut:

1. Melihat daya maju projek yang dirancang.
2. Sebagai garis panduan untuk memastikan pengurusan perniagaan dapat dilaksanakan dengan lancar.
3. Mengagih sumber-sumber perniagaan dengan cekap dan efektif.
4. Memenuhi salah satu syarat wajib bagi para peserta program untuk menamatkan program latihan galakan perniagaan bagi kakitangan yang menyertai kursus ini.
5. Menjangkakan masalah-masalah yang mungkin timbul apabila perniagaan dilaksanakan.

### 3.0. LATAR BELAKANG PERNIAGAAN.

Nama Perniagaan :  
Alamat Berdaftar : No. 64, Taman Sri Ishaq,  
36400 Hutan Melintang , Perak.  
Alamat Operasi : No. 64, Taman Sri Ishaq,  
36400 Hutan Melintang, Perak.  
No. Telefon :  
No. Daftar Perniagaan : -  
Tarikh Perniagaan : Akan didaftarkan nanti.  
Aktiviti Perniagaan : Perkhidmatan Katering.  
Penyewaan kerusi meja & kanopi, peralatan  
Buffet dan PA sistem. ( Rancangan masa  
depan ).  
Bentuk Perniagaan : Milik Tunggal  
Modal Permulaan : RM 20.000.00  
Bank Berurusan : Bank Islam, 36000 Teluk Intan, Perak.  
No. Akaun :  
Nama Pemilik :  
No. Kad Pengenalan :

#### 4.0. LATAR BELAKANG PEMILIK.

Nama :  
Jawatan : Pemilik/Pengurus  
Alamat Tetap : No. 64, Taman Sri Ishaq,  
36400 Hutan Melintang, Perak.  
No. Telefon :  
No. Kad Pengenalan :  
Tarikh Lahir :  
Bangsa / Agama : Melayu / Islam  
Taraf Perkahwinan : Berkahwin  
Kelulusan Akademik : Tingkatan 5  
Pengalaman Kerja :  
Majikan. Jawatan Tahun  
SM. Khir Johari PAR makmal 1980 – hingga kini  
Kursus yang Berkaitan : 1. Kursus Asas Perniagaan  
2. Kursus Keusahawan Anjuran MEDC  
(sedang berjalan)

## **5.0. SKOP PERNIAGAAN.**

### **5.1. Aktiviti Perniagaan**

Diantara aktiviti utama yang dijalankan oleh perniagaan ini ialah menyediakan dan membekalkan makanan dan minuman kepada majlis kenduri perkahwinan di sekitar kawasan pekan Hutan Melintang dan kawasan-kawasan sekitar seperti Teluk Intan, Bagan Datoh, Selekoh dan Sabak Bernam. Begitu juga membekalkan makanan dan minuman bagi kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Pejabat Pelajaran Perak, Pusat Sumber Pendidikan Negeri Perak, Maktab Perguruan, Pejabat Pelajaran Daerah Hilir Perak di Pusat Kegiatan Guru Hutan Melintang.

### **5.2. Produk dan Perkhidmatan**

Menyediakan minum pagi, minum petang dan makan minum mengikut permintaan pelanggan. Menghantar tempahan ke destinasi yang diminta dan menyediakan semua kerja-kerja di majlis jamuan.

### **5.3. Potensi Perniagaan**

5.3.1. Berdasarkan kepada perkembangan semasa, masyarakat tempatan khususnya orang-orang melayu yang beragama Islam menggunakan kesempatan cuti sekolah yang panjang dan cuti minggu untuk mengadakan majlis perkahwinan.

5.3.2. Oleh sebab kesuntukkan masa, kerja mudah tanpa perlu banyak kerja, masyarakat kita hari ini akan membuat kenduri dengan menggunakan perkhidmatan katering.

Begitu juga dengan permintaan khidmat makan dan minum bagi kursus, perjumpaan dan mesyuarat oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pusat Sumber Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah Hilir Perak, Maktab Perguruan di Pusat Kegiatan Guru Hutan Melintang yang

sentiasa ada sepanjang tahun. Kalau dilihat dari aspek itu perniagaan katering mempunyai potensi yang cukup besar untuk berkembang disekitar 40% hingga 60% setahun. Oleh kerana

perniagaan ini masih berada ditahap awal perkembangannya, perniagaan ini mempunyai potensi yang cukup besar dan luas untuk dikembangkan dimasa hadapan.+

5.3.3. Masyarakat tempatan biasanya menilai kemampuan dan perkhidmatan yang diberikan seperti dari segi kemampuan, kecekapan, keenakan, kualiti, harga, kebersihan, kelancaran bagi sesuatu majlis atau jamuan yang diadakan. Bagi memenuhi permintaan keperluan masyarakat semasa, perniagaan ini akan cuba memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dengan memberi penekanan kepada ciri-ciri tersebut supaya pelanggan berpuashati dan seterusnya akan menjadi pelanggan tetap. Melalui usaha yang berterusan perniagaan ini akan mendapat tempat di hati pelanggan kerana perkhidmatannya yang ditawarkan sentiasa dipastikan pada tahap yang tinggi.


5.3.4. Lokasi perniagaan juga terletak di tengah-tengah kedudukan yang mana dikelilingi oleh kampung-kampung dan pekan-pekan kecil dan bandar. Pasti masyarakat keliling memerlukan perkhidmatan katering untuk majlis perkahwinan dan majlis kenduri kesyukuran dan doa selamat. Memandangkan ekonomi negara yang terus berkembang pesat turut menyumbang kepada potensi perkembangan permintaan perkhidmatan perniagaan ini.

## 6.0. ASPEK PENGURUSAN

### 6.1. Struktur Organisasi

Struktur organisasi yang dibentuk oleh perniagaan adalah merangkumi keseluruhan aspek pengurusan sebagai sebuah entiti perniagaan. Secara keseluruhannya struktur organisasi adalah seperti berikut.

### 6.2. CARTA ORGANISASI



### 6.3. Fungsi dan Tanggungjawab

Perniagaan ini telah menyusun fungsi dan tanggungjawab berikut bagi melicinkan lagi pengurusan perniagaan.

#### 6.3.1 Pengurus/Pemilik dan Bahagian Kewangan & Pentadbiran.

- a). Bertanggungjawab terhadap keseluruhan operasi perniagaan.
- b). Mencari pesanan dan promosi perniagaan.
- c). Memastikan pengaliran wang dalam perniagaan terkawal dan berjalan lancar
- d). Menyediakan laporan kewangan tahunan.

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

- e). Membayar gaji pekerja.
- f). Merancang dan melaksana aktiviti operasi daripada perancangan belian bahan sehingga hidangan siap dimasak.
- g). Menentukan keperluan sumber manusia mencukupi.
- h). Memastikan pelanggan dilayan dengan baik
- i). Merancang kemajuan perkhidmatan kearah kecemerlangan dan penambah baik.

### 6.3.2 Tukang Masak.

- a). Bertanggungjawab dalam segala hal tentang masakan yang hendak disajikan kepada pelanggan.
- b). Memasak mengikut menu-menu yang ditetapkan.
- c). Menentukan penyediaan bahan-bahan mentah yang telah disediakan oleh pembantu.
- d). Memastikan kualiti makanan dengan mengekalkan rasa dan kebersihan setaraf citarasa pelanggan.

### 6.3.3 Pembantu Am.

- a). Bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas am membantu tukang masak.
- b). Membersihkan peralatan masak.
- c). Membersihkan kawasan persekitaran sebelum dan selepas kerja-kerja memasak dan tugas-tugas lain yang bersesuaian.
- d). Memastikan juga hamparan alas meja, hiasan sekitar dan hiasan lain-lain yang diperlukan siap terlebih awal sebelum hidangan disaji.

## 6.4. Gaji dan Ganjaran

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Bil. Pekerja</b>	<b>Gaji RM</b>	<b>KWSP 13%</b>	<b>PERKESO 2%</b>	<b>Jumlah RM</b>
1.	Pengurus	1	1800.00	234.00	36.00	2070.00
2.	Tukang masak	1	840.00	104.00	16.00	960.00
3.	Pembantu Am (Kontrak)	3	360.00	-	-	1080.00
	<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>2960.00</b>	<b>338.00</b>	<b>52.00</b>	<b>4110.00</b>

### 6.5. Belanja Pengurusan

Bagi tujuan pengurusan perniagaan menganggarkan perbelanjaan dalam sebulan mengikut pelan peningkatan kapasiti perniagaannya adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Perbelanjaan</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1.	Gaji Pengurus	1800.00
2.	Gaji Pekerja	1200.00
3.	KWSP & SOCSO	390.00
4.	Telefon	200.00
5.	Utiliti	300.00
6.	Alatulis & Urusan Pejabat	200.00
7.	Perjalanan & Pengangkutan	300.00
8.	Keraiaan & Promosi	150.00
9.	Pelbagai Belanja	100.00
	<b>Jumlah</b>	<b>4640.00</b>

### 6.6. Strategi Pengurusan

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Keadah pengurusan perniagaan dan kakitangan yang baik dan sistematik amat mustahak didalam usaha memajukan perniagaan dengan memberi perkhidmatan yang baik kepada pelanggan dengan layanan mesra pelanggan bagi memastikan perniagaan berdaya maju setanding dengan perniagaan-perniagaan katering sedia ada.

Oleh itu, perniagaan ini telah mengatur beberapa strategi pengurusan seperti berikut:

- a). Menerapkan semangat kerja berpasukan (teamwork) diantara para kakitangan dan pihak pengurusan untuk faedah bersama.
- b). Memberi bimbingan kepada kakitangan supaya dapat menunjukkan prestasi kerja yang baik dan bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan.
- c). Setiap pihak sama ada pekerja bawahan atau pengurusan sentiasa berbincang dan memberi pendapat serta cadangan tentang cara terbaik untuk menghasilkan kerja yang lebih cekap dan sistematik.
- d). Menyediakan perkhidmatan makanan/minuman yang bermutu, bersih dan sedap.
- e). Menentukan majlis dihias dengan cantik dan layanan yang baik.
- f). Pekerja akan didedahkan dengan teknik baru dengan menghantar mereka mengikuti kursus yang berkaitan dengan bidang tugas.
- g). Mengadakan promosi dengan cara mengadakan rumah terbuka.

## **7.0. ASPEK TEKNIKAL/PERKHIDMATAN**

### **7.1. Lokasi Premis (Seperti dilampiran)**

Pada peringkat awal perniagaan ini akan menggunakan premis kediaman sendiri di alamat di No. 64, Taman Sri Ishaq, 36400 Hutan Melintang, Perak. Dengan keluasan 30 KM persegi dan dikeliling dengan taman-taman perumahan dan kampung-kampung. Premis ini terletak di kedudukan berhampiran dengan persimpangan jalan menuju ke arah sebelah selatan menuju ke bandar Sabak Bernam, Negeri Selangor, ke utara pula jalan menuju pekan kecil Sungai Sumun, pekan Selekoh dan pekan Bagan Datoh, manakala ke timur jalan menyusur menghala ke Bandar Teluk Intan. Sepanjang jalan ke pekan dan bandar ini terdapat taman-taman perumahan dan kampung-kampung melayu, yang mana pasti mereka memerlukan perkhidmatan katering untuk jamuan kenduri kahwin. Begitu juga terdapat sekolah-sekolah, agensi pendidikan lain, agensi kerajaan dan swasta yang lain yang akan mendapatkan perkhidmatan makanan minum bagi majlis dan kursus yang dijalankan di tempat mereka. Dengan kemudahan sistem jalanraya yang ada , tidak menjadi masalah bagi perniagaan ini memberikan perkidmatan yang selesa kepada pelanggan.

**Lakaran gambaran lokasi premis perniagaan adalah seperti dilampiran.**

### **7.2. Maklumat Premis Perniagaan**

Alamat :

,

Alamat Premis :

,

Bentuk Binaan : Rumah Kediaman

Keluasan : 1400 ka. Persegi

Pemilik Premis : Sendiri

### 7.3. Kemudahan Asas

Premis perniagaan memiliki segala kemudahan asas yang sepatutnya seperti bekalan air, elektrik, telefon dan lain-lain kemudahan

#### 7.3.1. Sosial dan Kebudayaan

Masjid	2 buah
Sekolah Kebangsaan	4 buah
Sekolah Menengah	1 buah
Pusat Giat Mara	1 buah
Pusat Kegiatan Guru	1 buah

#### 7.3.2. Pengangkutan

Majoriti penduduk di kawasan Hutan Melintang mempunyai kenderaan persendirian, hanya sebahagian kecil sahaja yang menggunakan kenderaan awam seperti bas dan teksi.

#### 7.3.3.

Perkara	Hari	Tempat
Pasar harian	Setiap hari	Pasar Simpang Empat
Pasar harian	Setiap hari	Pasar Hutan Melintang
Pasar malam	Isnin	Simpang Empat
Pasar malam	Selasa	Pt. 21

### 7.4. Harta Tetap Dan Peralatan Yang dimiliki

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Memandangkan perniagaan ini telah dijalankan secara kecil-kecilan oleh pengusaha sejak 5 tahun yang lalu, maka Senang Rasa Katering telah memiliki beberapa aset yang dibeli berperingkat-peringkat mengikut kemampuan kewangan perniagaan ketika itu. Aset tetap dan kelengkapan perniagaan yang dimiliki adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Nilai RM
	<u>Pembelian Aset tetap</u>	
1.	Kereta Isuzu Trooper	21000.00
2.	Peralatan masak dan kelengkapan	13285.00
3.	Komputer	2500.00
4.	Peti Sejuk 3 pintu	1500.00
	<b>Jumlah</b>	<b>38285.00</b>

### 7.5. Harta Tetap Dan Kelengkapan Yang Diperlukan

Bil.	Jenis	Harga Unit RM	Kuantiti	Nilai RM
1.	Peti sejuk	2800.00	1	2800.00
2.	Peti sejuk beku	1000.00	1	1000.00
3.	Periuk nasi gas	330.00	1	330.00
4.	Periuk besar bertelinga	250.00	4	1000.00
5.	Kuali	75.00	2	150.00
6.	Tong gas	40.00	1	40.00
7.	Dapur gas 1 tunku	80.00	1	80.00
8.	Mesin jus buah-	100.00	1	100.00

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

	buahan	3.00	100	300.00
9.	Pinggan makan	10.00	25	250.00
10.	Mangkuk nasi	3.00	100	300.00
11.	Cawan/piring	2.00	100	200.00
12.	Gelas	2.00	100	200.00
13.	Sudu garpu	37.50	10	375.00
14.	Chafing dish	30.00	10	300.00
15.	Alas meja/skirting	-	-	1000.00
16.	Lain-lain keperluan			
	<b>Jumlah</b>			<b>8645.00</b>

### 7.6. Pembelian Bahan Mentah

Bahan mentah untuk perniagaan ini terbahagi kepada 2 jenis iaitu bahan mentah basah dan bahan mentah kering. Bahan mentah basah terdiri dari daging, ikan, ayam dan sayur-sayuran. Bahan mentah basah akan dibeli setelah mendapat tempahan dan sehari sebelum tarikh tempahan. Bahan mentah kering pula terdiri dari barangan seperti beras, minyak, gula, susu dan rempah ratus. Bahan mentah kering dibeli secara pukal kerana ia lebih murah. Dianggarkan kos bahan mentah adalah lebih kurang 50% daripada setiap ringgit jualan. Senarai bahan mentah dan basah untuk kegunaan sebulan adalah seperti berikut.

Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Jenis	Kuantiti	Harga 1kg (RM)	Jumlah (RM)
Beras Beryani	100 Kg	2.80	280.00
Beras Biasa	150 Kg	1.80	270.00
Bawang Besar	100 Kg	1.00	100.00
Bawang Kecil	20 Kg	3.00	60.00
Bawang Putih	30 Kg	4.00	120.00
Minyak Sapi Ghee	25 Tin	16.00	400.00
Halia	30 Kg	4.00	120.00
Minyak masak	2 Tin Besar	45.00	90.00
Rempah kari Ikan	5 Bungkus Besar	8.00	40.00
Rempah kari	5 Bungkus Besar	8,00	40.00
Daging	50 Kg	14.00	700.00

Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Jenis	Kuantiti	Harga 1Kg (RM)	Jumlah (RM)
Rempah Kurma	3 Kg	8.00	24.00
Cili Kering	13 Kg	8.00	164.00
Garam	12 Kampit	0.50	6.00
Cili Sos	10 Botol	3.00	30.00
Tomato Sos	10 Botol	2.70	27.00
Kicap	10 Botol	3.00	30.00
Asam Jawa	5 Kampit	1.50	8.00
Ubi Kentang	50 Kg	1.50	75.00
Tomato Puree	20 Tin	2.70	54.00
Susu Cair	60 Tin	1.80	108.00
Cuka	5 Botol	1.20	6.00
Mee Hoon	30 Kampit	1.50	45.00
Ikan	50 Kg	20.00	100.00
Ayam	50 Kg	6.00	300.00
Daging	30 Kg	10.00	300.00
Kulit Kayu Manis	2 Kg	8.00	16.00
Bunga Lawang	2 Kg	10.00	20.00
Buah Pelaga	2 Kg	10.00	20.00

Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Jenis	Kuantiti	Harga 1 Kg (RM)	Jumlah (RM)
Bunga Cengkih	1 Kg	15.00	15.00
Gula	50 Kg	1.50	75.00
Sirap Ros	20 Botol	1.50	35.00
Serbuk Jintan Manis	1 Kg	15.00	15.00
Serbuk Jintan Putih	1 Kg	15.00	15.00
Serbuk Ketumbar	2 Kg	5.00	10.00
Serbuk Kunyit	5 Kg	15.00	75.00
Ikan Bilis	2 Kg	4.50	9.00
Asam Keping	10 Kg	8.00	81.00
Suun	5 Kg	15.00	75.00
Fucuk	10 Tin	1.50	15.00
Jagung Tin	10 Kg	2.00	20.00
Kacang Tanah	2 Kg	4.00	8.00
Belacan	2 Kg	4.50	9.00
Bawang Goreng	100 Kampit	1.00	100.00
Tissue Paper		<b>Jumlah</b>	<b>3065.00</b>

**7.7. Perbelanjaan Operasi.**

Perkara	Perbelanjaan Aset Tetap (RM)	Perbelanjaan Bulanan (RM)	Lain-lain Perbelanjaan (RM)
<u>Aset Tetap</u>			
Mesin & Peralatan:	46830.00		
<u>Perbelanjaan Bulanan</u>			
Bahan Mentah:		3065.00	
<u>Gaji &amp; Dll:</u>		4600.00	
<u>Lain-lain Belanja</u>			500.00
Suntiksn Pekerja:			
<b>Jumlah</b>	<b>46830.00</b>	<b>7665.00</b>	<b>500.00</b>

**7.8. Senarai Pembekal Barang Mentah.**

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Bekalan bahan mentah yang digunakan bagi menyediakan masakan kepada pelanggan akan diperolehi dari beberapa pembekal yang telah dikenalpasti seperti berikut:

Bil.	Nama Pembekal	Alamat	Jenis Bekalan	Cara Bayaran
1.	Hock Kim Seng	Simpang 4	Barang Runcit, Buahan dan Sayuran	Tunai
2.	Mohd Sukri B. Mat	Pasar Simpang 4	Ayam dan Daging	Tunai
3.	Ah Fatt	Pasar Hutan Melintang	Ikan, Udang, Ketam Dan Kerang	Tunai
4.				


### 7.9. Susunatur Ruang Masak

Susunatur ruang masak telah direka bentuk dengan menarik bagi membolehkan dan menyenangkan ruang kelihatan menarik dan mempunyai ruang yang luas bagi memberi keselesaan kepada pekerja untuk menjalankan kerja-kerja persiapan makanan.

**Gambar rajah susunatur ruang memasak dilampirkan.**

### 7.10. CARTA ALIRAN PROSES KERJA

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering



### 7.11. Anggaran jualan untuk 3 tahun.

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Berdasarkan anggaran Perniagaan Senang Rasa Katering boleh mendapat pasaran permintaan perkhidmatan pelanggan adalah seperti berikut:

Bulan	Tahun 1 (RM)	Tahun 2 (RM)	Tahun 3 (RM)
Januari	18,000.00	18,900.00	19,800.00
Febuari	18,000.00	18,900.00	19,800.00
Mac	18,000.00	18,900.00	19,800.00
April	18,000.00	18,900.00	19,800.00
Mei	18,000.00	18,900.00	19,800.00
Jun	20,000.00	21,000.00	22,000.00
Julai	18,000.00	18,900.00	19,800.00
Ogos	18,000.00	18,900.00	19,800.00
September	18,000.00	18,900.00	19,800.00
Oktober	18,000.00	18,900.00	19,800.00
November	20,000.00	21,000.00	22,000.00
Disember	20,000.00	21,000.00	22,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>222,000.00</b>	<b>233,100.00</b>	<b>244,200.00</b>

Tahun	Jualan RM	Kenaikan
-------	-----------	----------

Jualan Tahun 1	220,000.00	-
Jualan Tahun 2	233,100.00	5%
Jualan Tahun 3	244,200.00	10%

### 7.12. Strategi Perkhidmatan

Untuk menentukan perniagaan ini berjalan lancar, perniagaan ini akan melaksanakan strategi berikut:

7.12.1. Menghasilkan yang berkualiti, sedap dan mengikut selera pelanggan.

7.12.2. Memastikan perkhidmatan yang cekap dan penghantaran dapat

Disiapkan mengikut masa yang ditetapkan.

7.12.3. Mengutamakan kebersihan dan kesihatan pelanggan.

7.12.4. Layanan yang mesra pelanggan, memberikan perkhidmatan yang

terbaik.

7.12.5. Perniagaan ini bersedia menerima teguran bagi tujuan memperkemaskan perniagaan dari masa ke semasa.

7.12.6. Pekerja akan dibekalkan dengan pakaian seragam supaya pelanggan terus mengenali perniagaan ini.

7.12.7. Perniagaan ini akan mengadakan promosi makanan percuma dengan memperkenalkan masakan-masakan kegemaran ramai supaya pelanggan dapat menilai sendiri keenakan makanan/minuman yang disediakan.


7.12.8 .Perniagaan ini akan menghantar pekerja-pekerja menghadiri kursus Yang bersesuaian supaya dapat mempertimbangkan mutu perkhidmatan.

7.12.9 .Iklan-iklan yang menarik akan dipamerkan di tempat-tempat yang

strategik supaya menarik perhatian pelanggan.

7.12.10. Menentukan makanan/minuman yang disediakan adalah halal.

### CARTA ALIRAN PROSES PERKHIDMATAN



**7.13. ANGGARAN KOS PERKHIDMATAN/KERJA DIJALANKAN  
(SEORANG)**

Perincian pengiraan anggaran jualan:

Rumah Kediaman:

Kenduri tahlil, doa selamat dan sebagainya,

10 kenduri/bulan X 100 orang X RM 10.00 = RM10,000.00

Tempahan Pejabat:

Katering untuk mesyuarat,

20 kali/bulan X 40 orang X RM 4.50 = RM 3,600.00

Katering untuk kursus:

3 kali/bulan X 50 orang X RM 16.00 = RM 2,400.00

Katering untuk jamuan makan,

5 jamuan/bulan X 40 orang X RM 10.00 = RM 2,000.00

**JUMLAH : RM 10,000 + RM3,600 + RM 2,400 + RM 2,000 = RM 18,000**

## **8.0. PEMASARAN**

### **8.1. Perkhidmatan dan Harga yang ditawarkan**

Memandangkan perniagaan ini lebih diokuskan khursus untuk anika jenis jamuan dan pelbagai jenis majlis, maka senarai harga adalah dibuat secara pakej. Pelanggan akan diberikan pelbagai pakej dan menu, pilihan menudisertakan sekali. Sungguhpun begitu kesemua pakej yang disediakan dijangkan akan terus menjadi tarikan langgan dan harganya juga berpatutan. Keseua pakej adalah seperti berikut

#### **PROFILE MENU**

##### **8.1.1. Menu dan sebutharga minum pagi.**

Mee, Bihun, kuew tieow goreng

Nasi lemak

Lontong

Nasi Dagang

Laksa

Roti Jala

Pelbagai kuih muih mengikut pilihan

Minuman Panas – Kopi & Teh O atau Kopi & Teh susu

Harga mengikut pilihan menu : RM 4.50

**8.1.2. Menu dan sebut harga makan tengahari/Malam**

Nasi Putih, Nasi Minyak, Nasi Brayani dan Nasi Tomato

Ikan Masak Kari, Ikan Lemak Cili Api, Ikan Taucu dll

Daging Masak Kari, Rendang, Kurma dll

Ayam Masak Kari, Rendang, Masak Merah dll

Udang Masak Kari, Sambal, Masak Lemak, Masak

Merah dll

Sotong Masak Kari, Masak Lemak dll

Pelbagai Sup

Pelbagai Tom Yam

Ikan, Daging, Ayam, Udang dan

Sotong Goreng Biasa/Tepung

Sayur Masak Lemak Biasa/Ikan Masin, Tumis, Campur

dll

Kerabu dan Ulaman

Sambal dan Acar

Buah-buahan

Minuman Sejuk Pelbagai Perisa

Harga mengikut pilihan Menu : RM 8.00

### **8.1.2. Menu dan Sebutharga Minum Petang**

Mee kari, Mee Rebus, Mee Sup dll

Bihun Sup, Bihun Kari, Bihun Goreng dll

Keow Teow Goreng dll

Laksa

Soto

Kuih Muih

Minuman Panas/Sejuk

Harga mengikut pilihan Menu : RM 3.50

### **8.2. Kumpulan Sasaran**

Perniagaan ini merancang mensasarkan perkhidmatannya kepada keseluruhan penduduk yang ada di tempat-tempat seperti berikut kepada semua peringkat umur dan Kakitangan Kerajaan, Swasta, Kilang dan Sekolah yang berpendapatan diantara RM 700.00 hingga RM 5000.00, juga permintaan dari pelajar. Keseluruhan permintaan terdiri dari kaum Melayu terdapat juga permintaan dari kaum India dan Cina

### **8.3. Kawasan Pasaran**

Kawasan sekitar Pekan Hutan Melintang

Kawasan sekitar Pekan Bagan Datoh

Kawasan sekitar Pekan Selekoh

Kawasan sekitar Bandar Teluk Intan

Kawasan sekitar Bandar Sabak Bernam

Kampung Sungai Keli

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Kampung Teluk Buluh  
Kampung Sungai Samak  
Kampung Sungai Ipil  
Kampung Baru  
Kampung Sungai Dulang  
Kampung Tanah Lalang  
Kampung Tanjung Bayan  
Kampung Bagan Pasir  
Kampung Sungai Tiang Baruh  
Kampung Sungai Tiang Darat  
Kampung Sungai Nipah Baruh  
Kampung Sungai Nipah Darat  
Kampung Rungkup  
Kampung Sungai Ular  
Kampung Parit 25  
Kampung Parit 23  
Kampung Parit 21  
Kampung Parit 19  
Kampung Parit 17  
Kampung Parit 15  
Kampung Parit 13  
Kampung Parit 11  
Kampung Parit 9

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Kampung Parit 7

Kampung Parit 5

Kampung Parit 3

Kampung Parit 1

Taman Perumahan Awam 1

Taman Perumahan Awam 2

Taman Perumahan Awam 3

Taman Perumahan Awam Sungai Sumun

Taman Perumahan Awam Bagan Datoh

Taman Seri Ishaq

Taman Zulaikha

Taman Seri Melintang 1

Taman Seri Melintang 2

Taman Seri Intan 1

Taman Seri Intan 2

Taman Kayangan

Taman Cenderawasih

Taman Seri Perak

Taman Mewah

Taman Melintang

Taman Bernam

Taman Desa Bernam

Taman Desa Bakti

Taman Wawasan

Taman Cemerlang

Taman Metah

Taman Intan

Taman Orkid

Taman Ikan Mas

#### **8.4. Saiz Pasaran**

Saiz pasaran boleh dikira dari potensi jualan yang boleh diperoleh dari tempahan katering oleh penduduk tempatan dan pejabat:

Tempahan Penduduk

Jumlah Penduduk: 60,000

Bilangan rumah : 60,000/5 (diandaikan sebuah rumah 5 orang penghuni)

= 12,000 buah rumah

Diandaikan 10% daripada penghuni rumah tersebut akan menggunakan perkhidmatn katering sekurang-kurangnya sekali setahun dengan jumlah tempahan untuk 100 orang pada harga RM 10.00/orang,maka jumlah pasaran:

$10\% \times 12,000 \times 100 \text{ orang} \times \text{RM}10.00$

= RM120,000,00.00/tahun

= RM10,000.00/bulan

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Tempahan dari pejabat-pejabat

Purata bilangan pejabat dianggarkan 5 buah. Seandainya dalam sebulan terdapat 15 hari tempahan untuk sekurang-kurangnya 30 orang pada harga RM10.00, maka jumlah jualan ialah:

$$5 \text{ pejabat} \times 15 \text{ hari/bulan} \times 30 \text{ orang/tempahan} \times \text{RM}10.00/\text{orang} \\ = \text{RM}22,500$$

$$\text{Jumlah Saiz Pasaran} \quad = \text{RM}100,000 + \text{RM}22,500 \\ = \text{RM}122,250/\text{bulan.}$$

### 8.5. Pesaing

Senarai Perniagaan & Alamat	Perkhidmatan & Produk Ditawarkan
1. Nan Katering Rumah Awam Padang Tembak Teluk Intan	Katering
2. Idah Katering Taman Mewah, Simpang Empat Hutan Melintang	Katering

### 8.6. Analisis Kekuatan dan Kelemahan Pesaing

Nama Pesaing	Kekuatan	Kelemahan
Nan Ketaring	Sudah beroperasi 10 tahun  Sudah terkenal di Bandar Teluk Intan	Harga agak tinggi  Banyak menerima tempahan hingga menjejaskan operasi
Idah Katering	Sudah beroperasi 5 tahun  Mempunyai pekerja yang mencukupi	Perkhidmatan kurang Memuaskan  Kurang pekerja yang terlatih

### 8.7. Saiz /Syer Pasaran

Setelah mengambil kira kekuatan dan kelemahan pesaing, maka dianggarkan pecahan syer pasaran antara pesaing dan Senang Rasa Katering adalah seperti berikut:

Perniagaan	Syer pasaran	Jualan Sebulan (RM)
Nan Katering	50%	RM 61,250.00
Idah Katering	35%	RM 42,875.00
Senang Rasa Katering	15%	RM 18,375.00
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>RM 122,500.00</b>

### 8.8. Anggaran Jualan

Sungguhpun perniagaan baru menceburkn diri dalam bidang ini,perniagaan mengandaikan dapat menguasai syer pasaran dalam 15%daripada saiz pasaran dan ini mengambilkira factor yang boleh mempengaruhi permintaan perkhidmatan seperti kesedaran pelanggan dan musim perayaan, ramalan jualan Senang rasa Katering adalah seperti berikut:

BULAN	JUALAN RM
JANUARI	18,000.00
FEBUARI	18,000.00
MAC	18,000.00
APRIL	20,000.00
MEI	18,000.00
JUN	18,000.00
JULAI	20,000.00
OGOS	18,000.00
SEPTEMBER	18,000.00
OKTOBER	18,000.00
NOVEMBER	20,000.00
DISEMBER	20,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>224,000.00</b>

## **8.9. STRATEGI PEMASARAN**

Pasaran yang baik dan sistematik adalah factor amat penting untuk memajukan perniagaan bagi mendapatkan pulangan modal dan keuntungan yang tinggi dan kestabilan yang berpanjangan dan berdaya saing.

### 8.9.1: Strategi Perkhidmatan

Perkhidmatan strategi berikut dapat memajukan lagi perniagaan katering ini.

- a). Sentiasa menyediakan masakan yang enak, sedap dan berkualiti dengan harga yang berpatutan.
- b). Mengutamakan kebersihan dapur dan kawasan memasak bagi menghasilkan produk yang berkualiti.
- c). Memastikan tempahan dapat disiapkan mengikut perjanjian masa yang ditetapkan oleh pelanggan.
- d). Sentiasa menunjukkan imej yang baik ketika berurusan dengan pelanggan.

### 8.9.2 .Strategi Promosi

Perniagaan ini akan menyediakan kad perniagaan dan risalah untuk diedarkan kepada penduduk kawasan perumahan, pejabat kerajaan, sektor swasta dan sekolah bagi mempromosikan perniagaan ini.

### 8.9.3. Strategi Harga

Perancangan perlu dibuat bagi menarik hati pelanggan untuk melanggan dengan perniagaan ini, dengan faktor yang harga yang berpatutan dan menarik mengikut jenis makanan dan menu yang diminta. Memandangkan perniagaan ini dalam perancangan dan belum beroperasi lagi, perniagaan ini akan menawarkan harga

yang rendah dan menarik diri pesaing-pesaing untuk memikat hati pelanggan. Perniagaan ini akan mengambil deposit 20% bagi tempahan seminggu sebelum tarikh pesanan dan baki dibayar seminggu selepas pesanan dibuat

### 8.9.4. Strategi Lokasi

Perniagaan ini terletak d kawasan perumahan dan penempatan yang berpusat dikelilingi taman-taman perumahan yang sedia ada mahupun sedang membangun, kampung-kampung tradisi yang sedia ada dan pekan-pekan serta bandar-bandar yang sedang membangun.

### 8.9.5. Perhubungan Pelanggan

Memandangkan lokasi perniagaan ini terletak di tengah antara kawasan-kawasan permintaan tadi maka tidak timbul masalah perhubungan kerana kawasan penempatan tersebut dan bandar sekitar dapat dihubungi dengan jalanraya yang ada untuk mendapatkan perkhidmatan dan penghantaran.

## 9.0. ASPEK KEWANGAN

### 9.1. Kos Pelabur Projek

Bagi menjayakan rancangan perniagaan ini, kos dianggarkan RM 20000.00 berdasar kepada perancangan.

PERKARA / MODEL	Jumlah	Modal Sendiri	Pembiayaan Mara
<b>A) PEMBELIAN ASET TETAP</b>			
Peralatan masak	13,285.00	13,285.00	
Peti Sejuk	1,500.00	1,500.00	
Komputer	2,000.00	2,000.00	
Kereta Isuzu	21,000.00	21,000.00	
	<b>37,785.00</b>	<b>37,785.00</b>	
<b>B) MODAL PUSINGAN</b>			
Stok Barang Permulaan	<b>3,000.00</b>	<b>3,000.00</b>	
1 Gaji Pengurus	1,800.00	1,800.00	
2 Gaji Pekerja	1,200.00	1,200.00	
3 Telefon	200.00	200.00	
4 Utiliti	300.00	300.00	
5 KWSP & SOCSO	168.00	168.00	
6 Kelengkapan Pejabat	100.00	100.00	
7 Pengangkutan	300.00	300.00	
8 Pelbagai	100.00	100.00	
9 Majlis Keraian	150.00	150.00	
	<b>7,318.00</b>	<b>7,318.00</b>	
<b>C) BELANJA PERMULAAN</b>			
Daftar Perniagaan	75.00	75.00	
Lesen Majlis Perbandaran	200.00	200.00	
Latihan & Kursus	1,000.00	1,000.00	
	<b>1,275.00</b>	<b>1,275.00</b>	
<b>JUMLAH KOS PELABURAN PROJEK</b>	<b>46,378.00</b>	<b>46,378.00</b>	-

### 9.2. Kewangan Perbelanjaan

## Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering

Perbelanjaan belian barangan dilakukan setiap bulan mengikut permintaan kerana ini akan menjimatkan .

### ANGGARAN BELIAN

BULAN	JUMLAH	BELIAN TUNAI (80%)	BELIAN KREDIT (20%)
Pertama	3,065.00	2,452.00	613.00
Ke2	3,065.00	2,452.00	613.00
Ke3	3,065.00	2,452.00	613.00
Ke4	3,065.00	2,452.00	613.00
Ke5	3,065.00	2,452.00	613.00
Ke6	3,065.00	2,452.00	613.00
Ke7	3,065.00	2,452.00	613.00
Ke8	3,065.00	2,452.00	613.00
Ke9	3,065.00	2,452.00	613.00
Ke10	3,065.00	2,452.00	613.00
Ke11	3,065.00	2,452.00	613.00
Ke12	3,065.00	2,452.00	613.00
<b>JUMLAH</b>	<b>36,780.00</b>	<b>29,424.00</b>	<b>7,356.00</b>

**9.2. Anggaran Aliran Wang Tunai.**

Anggaran Penyata Aliran Tunai seperti jadual yang dikepilkan menunjukkan untung rugi dan berlaku peningkatan 10% di tahun kedua dan ketiga. Operasi meningkat mengikut bulan.

**9.3. Anggaran Penyata Pendapatan Kewangan.**

Anggaran Penyata Pendapatan Kewangan disediakan selama 3 tahun seperti di lampirkan.

**9.4. Anggaran Kunci Kira-Kira.**

Aset Tetap mulai susutnilai bagi tahun Pertama, Kedua dan Ketiga.

## **10.0.JUSTIFIKASI DAN PENUTUP**

Sudah menjadi kebiasaan masyarakat Malaysia akan terus mengadakan majlis-majlis jamuan seperti majlis perkahwinan dan anika jamuan. Dengan kesibukan tugas harian, maka mereka mengambil jalan pintas menggunakan khidmat katering supaya majlis yang diatur akan berjalan lancar. Dengan ertikata lain mereka tidak terbabit secara langsung untuk menjalankan kerja-kerja penyusunan dan hal ehwal mengurus makanan dan minuman kepada jemputan. Semua urusan ini akan diserahkan kepada pihak perkhidmatan katering.

Berdasar kepada kajian semasa, majoriti pelanggan menggunakan khidmat katering bagi membekalkan dan menguruskan semua kerja-kerja berkaitan. Oleh itu sudah sampai masanya perniagaan ini mengorak langkah dengan lebih berdaya maju dan menyahut cabaran yang diberikan. Faktor-faktor tersebut jelas memberikan keyakinan yang tinggi menjurus kepada peluang pulangan keuntungan yang lumayan jika pengurusan dijalankan dengan lebih sistematik.

Diharap perniagaan ini akan berpeluang untuk turut sama-sama menjadi sebahagian daripada usahawan yang berjaya di negara ini.

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Senang Rasa Katering adalah merupakan sebuah perniagaan bumiputera milik tunggal yang baru ditubuhkan dimana bidang yang diceburi adalah membekal makanan dan minuman memasak kepada pelanggan khususnya kepada majlis-majlis perkahwinan.


Sungguhpun begitu perniagaan ini juga bersedia untuk menerima apa sahaja tempahan daripada pelanggan untuk majlis-majlis lain.

Sebagai perniagaan baru yang ingin menceburi didalam bidang perniagaan ini, maka sudah tentu terdapat pelbagai menyahut seruan kerajaan yang ingin melihat usahawan bumiputera maju didalam bidang perniagaan, perniagaan ini akan membuat apa sahaja demi mencapai cita-cita tersebut.

Dengan modal pusingan sebanyak RM 20,000.00, perniagaan ini bercadang untuk menjalankan perniagaan ini tanpa membuat pinjaman dari mana-mana pihak pun. Jesteru itu kebanyakan pekerja yang diambil untuk bekerja dengan perniagaan ini terdiri dari kaum keluarga.


Walaupun mungkin perjalanan agak jauh lagi untuk sampai ke destinasi, saya percaya dengan kesungguhan dan keyakinan yang ada pada diri saya dan keluarga, akan dapat mencapai cita-cita yang kehendaki ini.

Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering



**TAPAK PREMIS PERNIAGAAN**

Rancangan Perniagaan Senang Rasa Katering



PELAN TAPAK KAWASAN TEMPAT PERNIAGAAN  
SENGANG RASA KATERING